

CENDEKIAWAN

Mencerap imej, identiti golongan remaja



Oleh DR. SYED AGIL ALSAGOFF

REMAJA adalah aset negara. Dalam kebanyakan isu berkaitan negara, peranan golongan itu pasti akan diperkatakan. Perangkaan menunjukkan bahawa jumlah penduduk berusia bawah 18 tahun pada 2017 adalah seramai 9.4 juta orang atau 29.4 peratus daripada keseluruhan 32 juta rakyat di negara ini.

Angka itu menunjukkan golongan remaja merupakan salah satu kelompok penting dalam menentukan populasi generasi baharu.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa golongan remaja pada hari ini diterjemahkan oleh pelbagai pihak sebagai generasi pewaris dan pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan.

Bagi golongan remaja, tekanan dan cabaran yang dihadapi termasuklah beban yang diletakkan pada bahu mereka telah menyebabkan mereka sering kali menjamah kesilapan bagi meneruskan kehidupan.

Tanpa dorongan dan bimbingan yang sempurna, golongan itu menjadi sandaran pihak tertentu untuk meraih keuntungan, populariti dan agenda berkepentingan.

Contohnya, apabila berlakunya krisis sosial, golongan remaja akan menjadi mangsa yang dilabel sebagai punca kepada masalah itu berlaku.

Kes-kes buli di sekolah, ponteng sekolah, masalah seks bebas, ketagihan rokok dan arak di negara ini juga banyak disasarkan kepada golongan remaja. Ternyata, kelompok remaja itu tersasar daripada pemeliharaan rapi masyarakat kita.

Dunia teknologi

Selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), kita telah menyaksikan bahawa golongan remaja dilabelkan sebagai kelompok yang perlu diberi perhatian khusus.

Ini kerana mereka terdedah kepada percambahan kuasa teknologi maklumat dan alam siber yang banyak mendorong mereka mempercayai maklumat-maklumat yang mendatangkan implikasi besar kepada golongan itu.

Masalah ketagihan internet, perjudian haram, penipuan berurus niaga secara online dan penyebaran kandungan jelik dalam siber telah



GOLONGAN remaja perlu dibimbing supaya sentiasa berada di landasan yang betul kerana mereka merupakan kumpulan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. — Gambar hiasan

menyebabkan remaja menanggung kesan buruk kepada diri dan imej mereka.

Boleh dikatakan pada lingkungan usia remaja, mereka tidak memiliki identiti diri yang konsisten sehinggalah mereka mencapai usia dewasa kelak.

Justeru, dengan berpandukan persekitaran yang terhidang di hadapan mata, golongan itu akan mencuba apa sahaja yang disangkakan dapat memberikan faedah kepada mereka tanpa mengira sama ada perbuatan itu bakal menjadi 'buah mulut' orang lain atau sebaliknya.

Jika ditinjau dari segi psikologi, remaja adalah golongan yang sangat aktif menjelmakan imej dan identiti baharu bagi memenuhi kepuasan diri serta tuntutan peredaran zaman supaya terus relevan dan sentiasa menarik perhatian orang lain.

Namun, tanpa perancangan dan penyusunan strategik yang konsisten, remaja lebih terdedah kepada masalah kemurungan apabila mereka berasakan apa sahaja yang dilakukan itu akan menemui kegagalan.

Bayangkan, statistik terkini melaporkan 30 peratus daripada remaja berusia lingkungan 14 hingga 17 tahun di negara ini terdedah

kepada perbuatan membunuh diri disebabkan oleh kegagalan mengatasi penyakit kemurungan tegar yang mereka hadapi.

Memetik pepatah Presiden pertama Indonesia, Soekarno: "Jika mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah anak-anak mudanya."

Justeru, kita perlu berasa bimbang tentang masa depan negara sekiranya apa yang dikatakan oleh Soekarno itu benar, berdasarkan situasi terkini yang berlaku di negara kita.

Sejak kebelakangan ini juga, kita sering mendengar keluhan masyarakat yang menyatakan remaja kurang menonjol untuk menjadi ikon masyarakat jika dibandingkan dengan tahun-tahun silam.

Patriotisme

Kecanggihan teknologi maklumat telah melemahkan remaja yang sepatutnya digunakan untuk meneroka lebih banyak ilmu yang dapat memantapkan sikap patriotisme mereka.

Malah, ada juga yang mengambil ringan dan cuba menghindarkan diri daripada mempelajari sejarah negara bangsa sendiri selain menganggap politik negara sebagai suatu masalah kuasa yang tidak berkesudahan.

Menyedari hal ini, kerajaan telah meletakkan cabaran terbesar buat golongan itu dengan mencadangkan bahawa usia minimum bagi pengundi pada PRU akan datang diturunkan kepada 18 tahun berbanding 21 tahun pada masa sekarang.

Ini menunjukkan bahawa dalam usia sedemikian, remaja telah diyakini memiliki keupayaan untuk menyuarakan hak mereka bagi memilih kerajaan yang memerintah.

Soalnya, adakah mereka bersedia melaksanakan tanggungjawab penting itu? Tepuk dada tanya selera kerana segala-galanya terletak pada tangan masyarakat untuk menentukan kematangan kelompok tersebut.

Realitinya, remaja memerlukan dorongan kuat untuk mengasuh mereka meneroka pengalaman dan ilmu pengetahuan terkini bagi melengkapkan survivor kehidupan mereka.

Reformasi pendidikan pada hari ini yang menyaksikan remaja bebas memilih bidang kerjaya, membayangkan bahawa kematangan remaja akan diukur berdasarkan pengalaman yang diperoleh dan bukan bersandarkan kepada akademik semata-mata.

Banyak ruang pengalaman yang dapat dijadikan pengajaran terbaik buat remaja semasa mereka menjalani kehidupan menempuh kedewasaan ini seperti memberikan kebebasan membuat pilihan serta membuat keputusan sendiri memilih jurusan yang diminati supaya mereka akan memperoleh bakat dan menghargai ilmu yang diterokai nanti.

Perancangan yang rapi pada semua peringkat, bermula daripada ibu bapa, guru, ketua kampung dan pemimpin masyarakat harus dibuat dengan mencungkil bakat anak-anak muda sejak sekolah rendah lagi.

Apa yang lebih penting ialah dorongan dan bimbingan daripada masyarakat kita untuk memimpin anak-anak muda itu menikmati kebebasan memilih.

Ia perlu dilakukan secara berterusan dan penuh tanggungjawab walaupun akan ada waktunya mereka gagal dalam satu-satu usaha yang dibuat.